

**Dr M: Israel bekal butiran dagangan pada rakan karib**  
**MalaysiaKini.com**  
**February 15,2012**  
**Hazlan Zakaria**

Rejim Israel didakwa cuba mempertahankan "rakan karib" mereka, iaitu Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan mendedahkan perhubungan perniagaan yang dijalankan Malaysia dan negara di Asia Barat itu.

"Israel kini cuba membantu Anwar dengan membekalkan butiran perdagangan antara kedua-dua negara," kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada sidang media di Serdang hari ini.

"Ini adalah bagi membuktikan bahawa Anwar bukannya satu-satunya individu yang berurusan dengan mereka (Israel). Bahawa orang lain juga melakukannya," katanya.

Mahathir juga menuduh bekas timbalannya itu sebagai rakan karib rejim Yahudi sejak sekian lama sambil menambah Anwar ibarat 'sesumpah' yang kerap menukar pendiriannya mengikut kesesuaian hadirannya.

"Apabila beliau dengan orang Cina, dia jadi orang Cina. Apabila dia dengan orang Melayu, dia bertukar jadi ulama," sindir Mahathir.

anwar with us troopsBeliau juga mengulangi dakwaannya bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak akan menjadi sasaran bagi 'regime change' oleh Israel dan Amerika Syarikat yang mahu melihat Anwar menjadi perdana menteri.

Ditanya apa nasihat beliau kepada Najib, Mahathir cuma mencadang presiden Umno itu supaya berhati-hati.

"Saya tidak fikir saya perlu menasihatinya. Saya memberinya amaran bahawa dia adalah sasaran 'regime change', jadi berhati-hati," katanya lagi.

Mengulas laporan media asing baru-baru ini bahawa Malaysia menghentikan penghantaran bekalan minyak sawit ke Iran, Mahathir berkata mungkin negara ini dipaksa berbuat demikian kerana tekanan oleh Amerika Syarikat.

"Kita merdeka, tetapi tidak benar-benar bebas," katanya sinis.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/189200>